


**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGIK
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 2003/2004**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

DISEDIAKAN OLEH:

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

Kertas Projek ini telah diterima oleh Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (Dengan Kepujian) pada sesi 2003/2004

**Penyelia
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

**Ketua Jabatan
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 Mei 2004

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622

LATAR DIRI

Noor shalida binti Mohd Sharif dilahirkan pada 26 Disember 1980 di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Palong Dua. Kemudiannya meneruskan pendidikan diperingkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong Dua, sehingga tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya, beliau meneruskan pendidikan diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Gemas, Negeri Sembilan. Tamatnya persekolahan beliau di sekolah berkenaan, kemudiannya beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran diperingkat Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian iaitu di bawah Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia-Kolej Yayasan Melaka bagi sesi pengajian 2001/2004.

Tarikh

05 Mei 2004

Noor shalida binti Mohd Sharif

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya telah menganugerahkan kekuatan dan keupayaan kepada penyelidik bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan seadanya.

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Khazin bin Mohd. Tamrin selaku penyelia yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dengan kesabaran serta keyakinan yang diberikan untuk kesempurnaan kajian. Juga tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah serta kakitangan Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi yang turut menghulurkan bantuan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Penghulu Daerah Jempol, En. Nazri bin Yunos. Seterusnya terima kasih juga kepada lain-lain pihak yang terlibat seperti Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, P. P. Cawangan Gemas, P.P Cawangan Bahau, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Perpustakaan Jabatan Sejarah UKM, Jabatan kerajaan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol serta penduduk-penduduk Daerah Jempol yang terlibat di dalam memberi kerjasama bagi melancarkan perjalanan kajian.

Penghargaan yang tidak terhingga khusus ditujukan kepada keluarga tercinta yang menjadi pendorong utama kejayaan. Kepada Ayahanda dan Bonda yang sentiasa mengiringi dengan doa, semangat, keyakinan dan sebagainya, tidak mungkin terhitung jasa yang telah kalian berikan bagi menempuh hari-hari yang mendatang sehingga ke saat ini.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seangkatan yang sama-sama berjuang menempuh cabaran dan dugaan sepanjang pengajian ini.

Sekian Terima Kasih.

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF.
NO.448 PALONG DUA,
73450 GEMAS,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

ABSTRAK

Dalam Kertas Projek ini, penulis cuba untuk memaparkan tentang sejarah Daerah Jempol di Negeri Sembilan. Di samping itu juga penulis akan membicarakan mengenai kedatangan dan perkembangan masyarakat Minangkabau yang merupakan perantau dari Sumatera Barat, Indonesia. Pada bahagian pertama penulis akan mendedahkan mengenai Sejarah Hubungan Negeri Sembilan dengan Minangkabau serta faktor-faktor kedatangan mereka. Kedatangan mereka ke Negeri Sembilan dikatakan bermula sejak abad ke-14 lagi. Seterusnya, penulis akan memaparkan tentang latar belakang Daerah Jempol iaitu dari segi sejarah dan asal-usul nama Jempol. Manakala pada bahagian ke tiga, adalah mengenai sejarah penerokaan masyarakat Minangkabau ke Daerah Jempol. Pada bahagian ke empat, mengenai sosioekonomi dan perkembangan aktiviti masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol. Bahagian yang terakhir pula adalah mengenai sistem politik masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol.

KANDUNGAN**Halaman**

PENGAKUAN	II
LATAR DIRI	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
KANDUNGAN	VI
SENARAI PETA	VII
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI GAMBAR	VIV
SENARAI KEPENDEKAN	VX

PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Matlamat Kajian	2
Fokus Kajian	3
Kajian Lepas	4
Sumber Kajian	5
Masalah Kajian	8

BAHAGIAN SATU: SEJARAH HUBUNGAN NEGERI**SEMBILAN DENGAN MINANGKABAU.****1.0 PENGENALAN 10****1.1 FAKTOR-FAKTOR YANG MERAPATKAN****HUBUNGAN DIANTARA NEGERI****SEMBILAN DENGAN MINANGKABAU DI**

SUMATERA.

1.1.1 FAKTOR LOKASI	11
1.1.2 PERSAMAAN BUDAYA MASYARAKAT	12
1.1.3 TRADISI MERANTAU	16
1.2 PROSES PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN	21
1.3 KESIMPULAN	26

BAHAGIAN DUA: LATAR BELAKANG DAERAH JEMPOL

2.0 PENGENALAN	27
2.1 SEJARAH JEMPOL	30
2.2 ASAL-USUL NAMA JEMPOL	31
2.3 KESIMPULAN	38

**BAHAGIAN TIGA: SEJARAH PENEROKAAN PENEMPATAN
DI JEMPOL.**

3.0 SEJARAH PENEROKAAN AWAL DI JEMPOL	40
3.1 SEJARAH PEMBUKAAN PENEMPATAN DI JEMPOL	43
3.2 SEJARAH LALUAN PENARIKAN DI JEMPOL	48
3.3 CARA MEMPEROLEHI TANAH	54
3.3 KESIMPULAN	58

**BAHAGIAN EMPAT: SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI JEMPOL**

4.1 KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU DI JEMPOL	59
--	----

4.2 KEGIATAN SOSIAL MASYARAKAT	63
MINANGKABAU DI JEMPOL	
4.3 KESIMPULAN	69
 BAHAGIAN LIMA: STRUTUR POLITIK MASYARAKAT	
MINANGKABAU DI DAERAH JEMPOL.	
5.0 SISTEM POLITIK TRADISIONAL MASYARAKAT	70
JEMPOL	
5.1 PERANAN PENGHULU, LEMBAGA DAN BUAPAK	71
5.2 KESIMPULAN	75
 BAHAGIAN ENAM: KESIMPULAN	76
 LAMPIRAN	XIV
SENARAI RUJUKAN	XVII

SENARAI PETA

Peta 1: Kawasan Sumatera

Peta 2: Peta Lakar Sungai-sungai penting Laluan Adat
Perpatih ke Negeri Sembilan

Peta 3: Menunjukkan nama Negeri Minangkabau.

Peta 4: Mukim-mukim yang terdapat di Negeri Sembilan.

Peta 5 Kedudukan kampung-kampung di Daerah Jempol

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Jumlah Penduduk Mengikut Kaum di Daerah
Jempol pada tahun 1980

Jadual 2: Sekolah Melayu di Daerah Jempol pada abad Ke-19

Jadual 3: Masjid-masjid yang mengembangkan bidang
pendidikan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan.

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Sekolah Pondok.

SENARAI KEPENDEKAN

JMBRAS The Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.

P.P Perbadanan Perpustakaan

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Sejarah Daerah Jempol: Kedatangan dan Perkembangan Masyarakat Minangkabau 1800-1980 menjadi pilihan dalam Latihan Ilmiah penulis. Penulis berpendapat tajuk Latihan Ilmiah ini dapat memberi pendedahan maklumat terhadap masyarakat awam khususnya generasi kini. Kebanyakan masyarakat pada hari ini kurang mengambil perhatian mengenai sejarah kawasan atau tempat kediaman mereka.

Di samping itu, melalui Latihan Ilmiah ini, penulis akan menulis mengenai sejarah kedatangan masyarakat Minangkabau ke Daerah Jempol yang terletak di Negeri Sembilan. Penerokaan masyarakat Minangkabau ini terdapat beberapa buah cerita yang menarik telah diperdengarkan oleh orang-orang tua dan telah dibukukan mengenai kedatangan masyarakat Minangkabau ke Daerah ini.

Seterusnya penulis akan menyelusuri pula aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Minangkabau melalui aspek ekonomi, sosial dan politik. Dari

aspek ekonomi masyarakat Minangkabau melakukan kegiatan bertani yang menjadi pekerjaan asas mereka di Sumatera iaitu tempat asal mereka. Dengan itu, kegiatan ekonomi yang dilaksanakan di Sumatera telah diperkenalkan dan diperkembangkan di Daerah Jempol.

Manakala dari aspek sosial pula, bidang pendidikan menjadi fokus utama. Pendidikan awal di Daerah Jempol adalah berbentuk tidak formal iaitu berlaku dalam peringkat keluarga. Kanak-kanak akan diajar nilai-nilai budaya masyarakat tradisional melalui tradisi cerita-cerita lisan di samping mempelajari segala pantang larang, adat-istiadat dan adab kesopanan melalui proses sosialisasi. Bersesualah dengan masyarakat Minangkabau yang kaya dengan adat hingga terdapatnya pepatah yang berbunyi 'Biar mati anak, jangan mati adat'. Pepatah ini mempunyai maksud yang begitu mendalam.

'Biar mati anak, jangan mati adat' membawa makna 'anak' sebagai manusia sekali gus makhluk Tuhan tidak berkekalan di dunia dan akhirnya akan mati dan kembali ke tanah iaitu asal kejadian manusia. Namun 'adat' sebagai suatu falsafah hidup, sistem pemikiran dan korpus ilmu akan terus berkekalan selagi komuniti pengamalnya wujud dan terus menerus melestarikan adatnya melalui amalan.

Aspek politik pula, penulis akan menerangkan tentang peranan dan kuasa pemimpin-pemimpin yang terdapat di Daerah Jempol. Antara pemimpin yang mendapat perhatian penulis ialah Penghulu, Lembaga dan Buapak. Ketiga-tiga peranan pemimpin ini akan dikaji berdasarkan adat Perpatih yang mendasari adat istiadat di Negeri Sembilan iaitu berbentuk matrilineal.

MATLAMAT KAJIAN

Matlamat atau objektif kajian penyelidikan yang dijalankan ini, adalah untuk mengkaji mengenai sejarah kedatangan awal penduduk ke daerah Jempol serta perkembangannya sehingga tahun 1940. Penyelidikan ini dimulai dengan sejarah asal-usul nama Jempol, dan kemudiannya disusuli pula dengan peneroka awal yang datang ke daerah Jempol. Seterusnya pula adalah aktiviti yang dilakukan melalui aspek pentadbiran, sosial dan ekonomi.

Objektif kajian ini adalah untuk memberi maklumat kepada masyarakat mengenai sejarah dan masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol. Maklumat dan bahan-bahan bacaan ilmiah tentang sejarah daerah Jempol ini adalah sangat kurang. Oleh itu, penulis berhasrat untuk menjadikan kajian ini sebagai menambah maklumat kepada masyarakat terutamanya golongan pelajar serta khalayak yang berminat tentang sejarah.

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk menyingkap sejarah kedatangan masyarakat khususnya Minangkabau ke Daerah Jempol. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk memaparkan aktiviti yang berlaku di daerah Jempol melalui aspek politik, ekonomi dan sosial.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini difokuskan kepada sejarah asal-usul nama Jempol dan masyarakat yang meneroka Daerah Jempol. Antara suku bangsa Melayu yang bermastautin di Daerah Jempol sehingga kini adalah terdiri daripada masyarakat Minangkabau dan Aceh. Namun penulis lebih menekankan kepada masyarakat Minangkabau.

Seterusnya penulis akan menyelusuri pula perkembangan masyarakat di daerah Jempol iaitu mengenai perkembangan pembinaan penempatan serta masyarakatnya. Antara aspek yang ingin diselusuri oleh penulis ialah aspek pentadbiran, ekonomi serta sosial.

Melalui aspek pentadbiran penulis ingin membicarakan sistem dan struktur pentadbiran di daerah Jempol mengikut sistem politik yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di Sumatera. Penulis akan cuba mencari maklumat mengenai peranan ketua yang dikenali sebagai Penghulu. Ini termasuklah cara penghulu dilantik serta adat istiadatnya secara ringkas.

Manakala dalam aspek ekonomi pula, penulis cuba memaparkan kegiatan pertanian di daerah tersebut. Pada bahagian sosial pula, penulis akan menampilkan mengenai aktiviti yang dijalankan seperti perkembangan pendidikan sama ada yang bercorak agama mahupun sekular. Di samping itu, peranan pemimpin-pemimpin yang dianggap sebagai tokoh dalam memajukan serta membangunkan kampung-kampung mereka.

KAJIAN LEPAS

Penulis memperolehi banyak kajian-kajian Latihan Ilmiah yang dihasilkan oleh bekas-bekas pelajar di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pihak pusat Sejarah telah menyenaraikan tajuk-tajuk kajian ilmiah tersebut dan ianya banyak yang memaparkan mengenai kajian daerah-daerah tertentu di Malaysia. Antara tajuk kajian ilmiah tersebut ialah *Menyelusuri Sejarah Lukut: Beberapa Catitan Sejarah Tentang Lukut Di Sekitar Tahun 1800 Hingga 1900*. Kajian ilmiah ini dilakukan oleh Abdul Hamid bin Tan pada tahun 2000. Dalam kajian

ini, beliau telah memaparkan mengenai sejarah kawasan Lukut pada tahun 1800 hingga tahun 1900.

Selain daripada itu, terdapat juga pelajar yang menjalankan kajian mengenai sejarah Port Dickson. Kajian tersebut dilakukan oleh pelajar dari Universiti Malaya iaitu pada tahun 1998. Tesis yang dihasilkan adalah bertajuk: *Sejarah Sosio-ekonomi Port Dickson Sehingga 1950*. Terdapat juga kajian mengenai Bandar Seremban yang dikaji oleh Rubinah Mohd Yusof. Tajuk kajian beliau ialah *Sejarah Perkembangan Bandar Seremban (1900-1960)*. Latihan Ilmiah yang seterusnya ialah daripada Norsahaiza Sahak iaitu bertajuk *Perkembangan Bandar Seremban 1957-2000*. Othman Hj. Abu Bakar, *Sejarah Jelebu: Satu Tinjauan Awal Aspek Sosial, Politik dan Ekonomi*. Abdul Aziz Salleh, *Sejarah Linggi Dari Tahun Masihi 1880-1930*. Muhammad Marwazi Ramli, *Sejarah Penempatan dan Sosioekonomi Masyarakat Minangkabau di Lenggeng, Negeri Sembilan*. Abu Talib Ramli, *Sejarah Penghijrahan dan petempatan Orang Minangkabau di Negeri Sembilan*.

Daripada kajian-kajian di atas penulis dapati kajian-kajian mereka amat berfaedah untuk memaparkan sejarah awal dan pembangunan disesuatu kawasan kajian yang dipilih. Dengan itu, berpandukan daripada daripada contoh-contoh kajian ilmiah tersebut, penulis meluaskan pengetahuan untuk mengkaji dan menulis tentang sejarah.

SUMBER KAJIAN

Bagi menghasilkan penulisan ini, penulis telah menggunakan sumber-sumber dan data-data yang diambil daripada rekod-rekod sama ada yang bercetak mahupun

tidak. Sumber yang digunakandalam penulisan ini, diperolehi daripada kunjungan penulis ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Cawangan Gemas, Perbadanan Perpustakaan Cawangan Bahau, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Bangi, Arkib Negara, Muzium Seremban serta institusi-institusi pentadbiran seperti Pejabat Daerah dan Tanah Jempol, Wisma Negeri, Negeri Sembilan serta Persatuan Sejarah, Cawangan Jempol. Di samping daripada memperolehi daripada tempat-tempat tersebut, penulis juga tidak ketinggalan menggunakan teknologi terkini iaitu sumber daripada internet.

Langkah awal penulis untuk mendapatkan sumber rujukan yang berkaitan dengan tajuk adalah dengan mencari bahan di perpustakaan.. Hasil daripada rujukan tersebut penulis telah menjumpai beberapa sumber rujukan yang dianggap penting dan boleh membantu penulis dalam menghasilkan kertas projek ini. Antaranya, jurnal-jurnal seperti JMBRAS bertajuk *History of Negeri Sembilan* dan *Adat Kuala Pilah*. Manakala JSBRAS pula bertajuk *The Negri Sembilan*. Kedua-dua jurnal ini merupakan jurnal utama yang membicarakan secara ilmiah tentang perkembangan penulisan masyarakat Malaysia. Jurnal ini merupakan penulisan dari kalangan sarjana lokal atau antarabangsa menerusi penyelidikan mereka yang telah banyak memberi maklumat tentang sejarah tanah air termasuklah perkembangan sejarah Negeri Sembilan.

Di samping itu terdapat juga jurnal yang separuh ilmiah seperti jurnal WARISAN iaitu terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini turut menyumbang perkembangan sejarah lokal di Jempol, Negeri Sembilan. Antara artikel yang menjadi rujukan penulis ialah, *Jalan Penarikan Laluan Sejarah di Jempol* iaitu hasil karya Norhalim Hj. Ibrahim. Selain itu ialah *Sistem bersuku-suku dalam adat perpatih Negeri Sembilan : Satu sorotan dan*

perbandingan dengan adat Minangkabau dan adat melayu Darat di Sumatera, karya Hj. Yaakub bin Idrus dan banyak lagi.

Melalui maklumat yang terdapat daripada beberapa buku mengenai Negeri Sembilan penulis mendapati ada beberapa kajian sama ada khusus mahupun umum yang menyentuh daerah Jempol. Antaranya ialah *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*; dan *Payung Terkembang*, karya A.Samad Idris; *Sejarah Negeri Sembilan* karya Buyung Adil dan sebagainya.

Di Arkib Negara pula, penulis telah menemui buku-buku, majalah, risalah, jurnal, dan laporan-laporan seperti Laporan Tahunan dan Warta Kerajaan. Berasaskan kepada laporan-laporan tersebut, penulis akan cuba meneliti tentang maklumat yang dapat menyalurkan fakta-fakta mengenai perkembangan penduduk, kedatangan penduduk serta pembangunan kawasan khususnya daerah Jempol hingga tahun 1940.

Dengan itu, penulis terpaksa menggunakan kaedah ataupun pendekatan temuramah. Penulis telah menemuramah beberapa orang yang dianggap penting bagi membantu menjawab serta menyelesaikan tugas kajian ini. Antara pihak-pihak yang ditemuramah oleh penulis ialah Ketua Penolong Pegawai Daerah Jempol, iaitu En. Huraira bin Zainal. Selain itu juga ialah Penghulu Daerah Jempol, iaitu En. Nazri bin Yunos.

Oleh kerana, maklumat tentang sejarah daerah Jempol masih tidak begitu banyak maka, penulis mengalami masalah dari beberapa sudut iaitu berkaitan tentang sejarah perkembangan sosioekonomi daerah Jempol. Maka pendekatan kajian lapangan iaitu dengan cara menemuramah.

Melalui penemuan ini, penulis dapat mengumpul sedikit data sebagai tambahan untuk membolehkan kajian ini dapat sekurang-kurangnya memaparkan maklumat-maklumat baru dalam konteks sejarah tempatan. Walaupun penulis menyedari tentang kelemahan sumber temuramah, namun ada beberapa hal dari segi data yang didapati dari temuramah boleh digunakan untuk mengatasi masalah atau maklumat yang tidak terdapat dalam rekod-rekod yang disediakan oleh pihak kolonial. Contohnya mengenai latar belakang kampung atau daerah asal para perantau dan peneroka asal yang membuat penempatan di Jempol.

MASALAH-MASALAH KAJIAN

Ketika menjalankan kajian ini, terdapat pelbagai masalah yang di hadapi oleh penulis bagi menyiapkan kajian ini. Antara masalah-masalah tersebut ialah masalah birokrasi. Masalah seperti ini seringkali berlaku ketika penulis ingin mendapatkan maklumat daripada pihak-pihak pentadbiran yang bertanggungjawab. Mereka kurang memberikan kerjasama terhadap penulis, walaupun penulis telah memperkenalkan diri serta membawa surat kebenaran dari jabatan sejarah, UKM. Disamping itu, pihak pentadbiran serta pihak-pihak yang terlibat kurang memahami maklumat-maklumat yang diingini oleh penulis. Keadaan ini telah merumitkan penulis untuk menyelesaikan tugas kertas projek.

Selain itu tajuk yang dikaji oleh penulis ini adalah memerlukan masa yang panjang untuk mengumpulkan bahan-bahan serta data-data yang diperlukan. Dengan itu penulis terpaksa mengunjungi pelbagai tempat untuk menambah maklumat-maklumat yang berkaitan mengenai topik yang dikaji.

Antara tempat-tempat yang dikunjungi oleh penulis ialah ke kawasan kampung-kampung di sekitar daerah Jempol, perpustakaan-perpustakaan, Muzium, Pejabat Daerah, Wisma Negeri, Arkib dan sebagainya. Aspek ini juga telah menimbulkan masalah terhadap penulis. Ini kerana jarak kawasan tempat-tempat tersebut adalah jauh daripada tempat tinggal penulis dan ianya memerlukan masa yang panjang untuk sampai ketempat yang dituju.

Oleh kerana tempat-tempat tersebut jauh daripada tempat tinggal penulis maka, penulis terpaksa menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas dan teksi serta kenderaan sendiri. Dengan itu, penulis memerlukan kos yang agak tinggi untuk digunakan bagi menyiapkan penyelidikan ini. Disamping itu juga, perjalanan yang jauh ini juga boleh mengundang pelbagai risiko terhadap penulis.

**BAHAGIAN SATU:
SEJARAH HUBUNGAN NEGERI SEMBILAN DENGAN
MINANGKABAU DI SUMATERA**

PENGENALAN

Tiada tarikh yang tepat bagi mengesahkan bilakah kedatangan masyarakat Minangkabau ke Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang penyelidik telah mengemukakan pendapat-pendapat beliau beserta dengan buktinya. Pertama, Newbold berpendapat bahawa kedatangan masyarakat Minangkabau ke Tanah Melayu adalah pada abad ke-14. Tempat yang menjadi tumpuan terhadap masyarakat ini ialah di Naning, dan Rembau. Nama-nama tempat tersebut ada tercatat dalam Sejarah Melayu serta beberapa nama tempat yang lain seperti Penarikan. Penarikan yang dicatatkan dalam Sejarah Melayu mengaitkan dengan Kerajaan Melaka kira-kira 500 tahun lalu. Dengan itu, bolehlah kita menerima pendapat Newbold bahawa Negeri Sembilan telah dihuni sejak sebegitu lama.

Seterusnya, pendapat Abas Haji Ali melalui penulisannya yang bertajuk *Rembau Sejarah Perlembagaan Adat Istiadat*. Dalam penulisan tersebut, beliau berpendapat orang Minangkabau mula-mula sekali masuk ke Rembau ialah pada tahun 1338 M iaitu bersamaan dengan tahun 773 H. Manakala Abdul Samad Idris pula membuktikan kedatangan masyarakat Minangkabau adalah melalui batu-batu nisan yang terdapat pada kubur Sheikh Ahmad. Sheikh Ahmad merupakan perintis terhadap kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Tulisan Arab yang ditemui disitu menunjukkan bahawa Sheikh Ahmad meninggal dunia pada tahun 1467. Tahun tersebut merupakan zaman pemerintahan Sultan Mansor Syah di Melaka iaitu dari tahun 1456 hingga 1477.¹ Dengan itu, penulis dapati bahawa rombongan masyarakat tersebut telah datang ke Negeri Sembilan adalah beberapa tahun sebelum tahun 1467.

Seorang lagi pengkaji, Mohd. Dahlan Mansoer juga berpendapat bahawa hubungan masyarakat Minangkabau dengan Negeri Sembilan telah berlangsung sejak abad ke-14.²

1.1 FAKTOR-FAKTOR YANG MERAPATKAN HUBUNGAN DIANTARA NEGERI SEMBILAN DENGAN MINANGKABAU.

¹ Abdul Samad Idris, *Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Kebudayaan*, Pustaka Asas Negeri, Seremban, 1970, hlm. 15.

² Mohd. Dahlan Mansoer, *Minangkabau Dan Negeri Sembilan Tinjauan Kaitan Sejarah Dan Kebudayaan*, Kertas Kerja Seminar Pensejarahan Adat perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 1974, hlm. 13.


1.1.1 FAKTOR LOKASI

Berdasarkan beberapa pendapat serta sumber mengatakan kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah pada abad ke-15. Kedatangan masyarakat tersebut ke Negeri Sembilan tentulah mempunyai sesuatu yang istimewa hinggakan menjadi pilihan untuk merantau. Sebenarnya, kedatangan masyarakat ini ke Negeri Sembilan adalah disebabkan oleh kegiatan perdagangan. Mereka telah menggunakan pelabuhan Melaka sebagai pintu masuk utama ke Tanah Semenanjung.

Minangkabau atau disebut juga sebagai Alam Minangkabau terletak disebelah barat Pulau Sumatera bahagian tengah. Pada hari ini Alam Minangkabau itu telah menjadi sebuah propinsi yang dinamakan Sumatera Barat dan diketuai oleh seorang Gabenor. Menurut pendapat A.M. Datuk Maruhun, D.H. Baginda Tanabah dalam bukunya yang bertajuk *Hukum Adat dan Adat Minangkabau*, menyatakan bahawa Daerah Minangkabau terletak di bahagian tengah Pulau Perca. Kawasan ini meliputi kresidenan Sumatera Barat, Kuantan dan Kampar Kiri. Manakala ke utara pula, adalah sehingga ke Sikilang Air Bangis iaitu bersempadan dengan kresidenan Tapanuli. Di bahagian Timur pula, sehingga ke Taratak Air Hitam iaitu bersempadan dengan Indragiri, dan bersempadan dengan Palawan. Seterusnya ke bahagian tenggara hingga ke Sisipak. Pisau Hanyut, Durian di takuk raja Tanjung Simalidu iaitu sempadan dengan Jambi dan barat kelaut Nan Sadidih atau dikenali sebagai Laut Hindi.³ Rujuk Peta 1.

³ Anwar Ibrahim, *Pakaian Adat Tradisional Daerah Sumatera Barat*, Department Pendidikan dan Kebudayaan Projek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah Padang, 1986, hlm. 11.

Peta 1: Peta Kawasan Sumatera .



Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan.

Seiring dengan pendapat berkenaan, maka Dr. Sidi Garalba telah mengemukakan sempadan daerah Minangkabau menurut Tambo. Sempadan Daerah asli Minangkabau adalah disebelah selatan hingga ke Riak Nan Berdebur, iaitu kini dikenali sebagai Negeri Bandar Sepuluh. Kemudian di bahagian Timur, adalah sehingga ke Durian di Takuk Raja iaitu kini dikenali sebagai Indragiri dengan Sumatera Barat kemudian hingga ke Muara Takung Mudik iaitu Negeri Alahan Panjang. Seterusnya kekawasan sekeliling gunung Singgalang, kesederetan gunung Spasaman hingga ke Sikilang Air Bangis dan sampai ke


Taratak Air Hitam. Inilah daerah asal kebudayaan Minangkabau. Kebudayaan ini mengalir dari daerah asal memasuki Rantau atau takluk Minangkabau.

Kehadiran masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah melalui empat buah sungai yang utama di Sumatera Timur. Sungai-sungai tersebut ialah Sungai Siak, Sungai Kampar, Sungai Indragiri dan Sungai Batanghari. Ke empat-empat sungai tersebut akan mengalir masuk ke Selat Melaka. Rujuk peta 2. Kebanyakan masyarakat Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan adalah berasal dari daerah sekitar Pagar Ruyung. Antara perkampungan-perkampungan yang terkenal adalah seperti Sungai Tarab, Semanik dan lain-lain lagi. Sebelum sampai ke Negeri Sembilan ini, mereka telah melalui Kuala Sungai Linggi, Melaka dan Kelang. Bagi mereka yang mengikut Kuala Sungai Linggi, akan mendiami daerah Rembau, Sungai Ujung dan Seri Menanti. Manakala mereka yang mengikut Melaka tinggal di Naning, Johol dan sebahagiannya di daerah Kuala Pilah.⁴

Masyarakat Minangkabau datang ke Semenanjung Tanah Melayu adalah bertujuan untuk menjalankan kegiatan perdagangan. Seorang pengarang Inggeris, iaitu D.J.M Tate menyatakan bahawa perkembangan negeri Melaka sejak pertengahan abad ke-15 telah menyebabkan berlakunya perpindahan masyarakat Minangkabau buat pertama kalinya dalam skala besar.

⁴ Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 8.

Peta 2: Peta Lakar sungai-sungai penting laluan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan.



Sumber: Teromba dan Perbuangan Adat, WARISAN, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1990.

Terdapat banyak sumber yang mengemukakan tentang kegiatan perdagangan masyarakat Minangkabau di Tanah Melayu. Perdagangan yang pesat di Melaka, telah menarik minat mereka untuk datang berdagang. Emas merupakan barang yang diperdagangkan oleh masyarakat tersebut iaitu telah disebutkan oleh Barbosa, bahawa Minangkabau merupakan sumber emas terbesar. Perkara ini juga turut dipesetujui oleh Tyuyoshi Kato bahawa kegiatan perdagangan emas, lada hitam dan bijih timah memainkan peranan penting terhadap penghijrahan mereka ke Tanah Melayu khususnya di Negeri Sembilan.

1.1.2 PERSAMAAN BUDAYA MASYARAKAT

Kehidupan masyarakat negeri Sembilan ada persamaan dengan kehidupan masyarakat Minangkabau iaitu dari segi mengutamakan sebelah ibu yang di panggil sistem matrilineal. Di samping itu, kedua-dua masyarakat ini juga ada hubungan darah serta mengamalkan mazhab Shafie. Demi untuk mencari identiti, mengeratkan perpaduan dikalangan penduduk tempatan iaitu di Negeri Sembilan, pembesar tempatan menjemput anak Raja Pagar Ruyung untuk dijadikan Raja Negeri Sembilan.

Kedatangan masyarakat Minangkabau bersama dengan budaya mereka ke Negeri Sembilan tidaklah menghapuskan budaya tempatan yang asal. Malahan sebaliknya hanya menambah dan memperkuat budaya Negeri Sembilan itu sendiri. Ini kerana kedua-dua masyarakat ini mempunyai satu identiti yang sama iaitu dari segi ciri fizikal, budaya, agama, bahasa dan cara hidup. Kesemua ciri-ciri tersebut adalah berlandaskan dengan adat perpatih yang *tak lokang dek paneh, tak lapok dek ujan*. Pepatah ini bermaksud, tidak lekang kerana panas dan tidak lapuk kerana hujan.

Adat merupakan peraturan-peraturan hidup yang menyarankan cara-cara yang sesuai dalam melakukan sesuatu agar masyarakat dapat bergerak dengan lancar dan tenteram. Hakikat bahawa bagi membuktikan adat merupakan hukum, maka lazimnya digunakan kalimat atau perkataan-perkataan yang mengemukakan pendapat seperti *mengikut adat, mengikut hukum adat, pada pendapat adat* dan sebagainya. Adat yang dibawa ini juga turut mengembangkan nilai-nilai agama Islam, maka timbullah peribahasa seperti *adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah, adat mengata sarak mengikut* dan sebagainya.

Adat Perpatih yang diasaskan oleh dua orang pendita besar dari Minangkabau iaitu Dato' Perpateh Nan Sebatang dan Dato' Katamenggungan.⁵ Selain itu juga, mereka merupakan pelopor dan pencipta corak pemerintahan demokrasi yang terulung di dunia, jika dibandingkan dengan nilai pemikiran manusia di zaman yang belum mengenal menulis dan membaca. Perkara ini adalah satu yang mengagumkan, kerana dapat mencipta dan membuktikan pemerintahan demokrasi yang terlebih dahulu berlaku dari Barat seperti Britain, Amerika, Rusia, Perancis dan lain-lain lagi. Kita harus berbangga dengan kejayaan ini, namun ianya mempunyai sedikit perbezaan iaitu dari segi bentuknya tetapi maksud dan tujuannya adalah sama.

Adat Perpatih merupakan adat yang unik dan wujud dari hasil gabungan antara adat Minangkabau iaitu sebagai teras dengan adat anak watan tempatan. Adat Perpatih adalah adat yang mencerminkan falsafah hidup keadilan bermasyarakat. Ianya berupa pembendung tata susila serta nilai hidup manusia sejagat yang menganjurkan peradaban budi pekerti yang mulia. Di samping itu, ia juga memperkuat lagi keperibadian bangsa, bersopan santun serta dikawal pula oleh peraturan-peraturan adat, hidup berkeluarga, peraturan hidup bermasyarakat seperti kata-kata hikmat: *hidup kita dikandung adat, mati kita dikandung tanah*. Dengan itu, jika sekiranya kita benar-benar menghayati adat ini maka bolehlah dikatakan sempurnalah hidupnya di dunia dan diakhirat.⁶

Di samping itu, bahasa juga mempunyai kaitan dengan masyarakat dan budaya. Bahasa berfungsi sebagai asas tamadun manusia dan wacana pemikiran

⁵ Komo Haji Duaji bin Bakar, *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya, Negeri Sembilan, hlm. 3.

⁶Ibid.

dan budaya kumpulan manusia berkenaan. Melalui bahasa, manusia boleh mewujudkan konsep-konsep yang sudah tergambar di dalam fikirannya dan menyampaikan konsep-konsep tersebut ke dalam komunikasi di antara individu. Organisasi masyarakat juga tergambar dalam bahasa kerana penggunaan bahasa dalam masyarakat mempunyai peraturan-peraturan sosial tertentu.

Dengan itu, di Negeri Sembilan dan juga di Minangkabau mempunyai bahasa yang unik dan dipanggil sebagai dialek. Dialek berfungsi sebagai alat perhubungan di antara individu dengan individu. Disamping itu, dialek juga dapat mewujudkan pelbagai perkataan berbudaya seperti kekerabatan, kata ganti diri bagi orang yang bercakap, bagi orang yang dilawan bercakap dan bagi orang yang mengikut taraf dan pangkat. Pangkat dalam masyarakat Negeri Sembilan ialah lebih tua, seraya atau muda. Taraf pula bermaksud status sosial orang yang dilawan bercakap atau yang dipercakapkan.

TRADISI MERANTAU

Tradisi merantau merupakan aktiviti yang dianggap penting bagi kalangan masyarakat Minangkabau. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka keluar untuk merantau. Antaranya ialah,⁷ faktor alam seperti ekologi, tanah pertanian, lokasi pusat-pusat perekonomian dan perdagangan di samping politik dan kebudayaan dan faktor kependudukan. Dari dua belas suku yang terdapat di Sumatera hanya enam yang mempunyai tingkat kecenderungan migrasi yang relatif tinggi termasuklah Minangkabau. Pada tahun 1930, tingkat migrasi

masyarakat Minangkabau adalah yang ketiga selepas masyarakat Batak dan Banjar.⁷

Aktiviti migrasi akan hanya dipanggil merantau apabila mempunyai unsur-unsur seperti pertama, meninggalkan kampung halaman dan memasuki wilayah budaya lainnya serta berinteraksi dengan masyarakat dari wilayah budaya lain. Kedua, keluar merantau adalah mengikut kemahuan sendiri dan tiada unsur paksaan. Ketiga, bertujuan untuk mencari nafkah serta untuk menuntut ilmu ataupun pengalaman. Keempat, tidak pernah dengan niat untuk pindah terus. Kelima, dengan tujuan untuk menambah, bukan mengurangi, yang di kampung, baik dalam erti material mahupun spiritual-kultural. Keenam, melembaga dalam masyarakat yang juga dikaitkan dengan proses inisiasi bagi anak-anak muda untuk mempertingkatkan bahawa mereka mampu berdiri di atas kaki sendiri, sekurang-kurangnya dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi kehidupan berumah-tangga.⁸

Dengan itu, masyarakat Minangkabau adalah berada pada unsur yang terakhir iaitu melembaga. Melembaga adalah berkait dengan sistem sosial yang ada secara keseluruhan. Pada awalnya aktiviti merantau lebih ditujukan kepada usaha penerokaan atau mencari daerah baru demi untuk menjaga keseimbangan ekwilibrial antara kemampuan alam dalam memberi makan dengan jumlah mulut yang kian bertambah. Ini menyebabkan tanah pertanian semakin meluas. Perantauan ke Negeri Sembilan di abad-abad yang lalu sebahagiannya adalah adanya daya penarik iaitu pusat perdagangan di Melaka. Pada waktu itu,

⁷ A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahiom, Muhd Tainu, Dharmala NS, *Gemuk DiPupuk, Segar Bersiram Adat Merentas Zaman Negeri Sembilan*. 1994. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan. hlm. 337

⁸ibid hlm. 338

masyarakat Minangkabau berperang besar sebagai penghasil rempah-ratus, hasil hutan dan emas.

Selain itu, adalah berdasarkan unsur merantau yang melibatkan proses inisiasi bagi anak-anak muda untuk mempertingkatkan bahawa mereka mampu berdiri di atas kaki sendiri. Di samping itu, Adat Perpatih juga amat menggalakkan orang lelaki untuk keluar merantau sebagaimana dalam perbilangan ini:

*Kerantau madang di hulu,
Berbunga berbuah belum,
Merantau bujang dahulu,
Di kampung berguna belum.*

Perbilangan ini bermaksud fikiran orang bujang belum diperlukan di kampung. Ini kerana orang-orang tua mempunyai sebab menyuruh orang mereka pergi merantau iaitu untuk mencari ilmu pengetahuan.

Oleh kerana kedua-dua negeri ini mengamalkan Adat Perpatih iaitu sistem matrilineal yang mengutamakan pihak perempuan. Contohnya dalam urusan harta pusaka yang hanya dimonopoli oleh golongan mereka sahaja. Hal ini telah menyebabkan kedudukan wanita lebih terjamin kerana memiliki rumah dan menikmati hasil dari sawah dan ladang.

Berbeza pula dengan kedudukan lelaki, yang bertugas sebagai mengawasi, menambah dan memperbanyakkan bukan untuk mengurangi. Lelaki juga mempunyai tugas yang besar di rumah ibunya sebagai pelindung kaum perempuan dan di rumah isterinya sebagai samanda orang jemputan iaitu di samping ibu dan ayah. Tugas besar ini diungkapkan dalam bentuk pepatah seperti *Anak dipangku*

*kemenakan dibimbing. Kemudian ditambah orang kampung di pertenggangan, jaga negeri jangan binasa. Pepatah ini lazimnya dimulai dengan sampiran seperti Keluk paku kacang belimbing, pucuknya lenggang-lenggangan, dibawa ke Suruasa....*⁹

Aktiviti merantau ini diperlihatkan begitu penting sehinggakan anak-anak lelaki akan diajarkan secara berperingkat-peringkat bagi menjadi dewasa dan menjadikan mereka sebagai *orang*. Proses ini bermula sejak si anak masih kecil dan disuruh merantau dari kamar ibu ke ruang tengah untuk tidur bersama-sama dengan anak-anak yang lebih tua. Setelah berumur enam atau ke tujuh tahun mereka akan disuruh mengaji kesurau dan kemudiannya secara beransur-ansur akan mula tidur di surau. Ini kerana untuk membiasakan mereka, apabila sudah akil baligh mereka akan berasa malu untuk tidur dirumah. Terutamanya di setiap rumah masyarakat Minangkabau tiada bilik yang disediakan untuk anak lelaki. Semua bilik diperuntukan bagi golongan wanita yang sudah berkahwin.

Anak muda lelaki yang lahir dan dibesarkan dikampung mahir dengan pengajaran. Apabila memasuki alam remaja, biasanya prinsip-prinsip pokok dari tata kehidupan bermasyarakat serta nilai-nilai yang terpakai sudah menjadi sebahagian daripada kehidupannya. Seterusnya mereka akan disuruh untuk memantapkannya dengan pergi merantau kerana mereka akan memasuki alam perkahwinan. Dari sinilah bermulanya berdiri di atas kaki sendiri dengan melihat bahawa fungsi dari merantau sebagai saluran untuk membuktikan kebolehan dalam berusaha sendiri.

⁹ *ibid.*

1.2 PROSES PENGHIJRAHAN

Penduduk tempatan di Negeri Sembilan adalah terdiri daripada orang asli dari puak Jakun begitu juga dengan daerah Jempol. Puak Jakun ini dipercayai berasal dari Sumatera, sama ada dari Minangkabau ataupun Siak. Kaum penghijrah ini telah mula datang ke kawasan Negeri Sembilan sejak dari sekitar abad ke-9 lagi. Mereka telah berjaya mendirikan beberapa buah kerajaan disekitar abad ke-14.

Secara umumnya penghijrahan orang Sumatera ini dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu pertama penghijrahan berbentuk berperingkat dan kedua penghijrahan berbentuk langsung. Penghijrahan berbentuk berperingkat ini telah bermula disekitar abad ke-9 M sehingga ke zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka iaitu sekitar tahun 1500 M. Pada zaman awal itu, masyarakat Minangkabau telah keluar dari dataran tinggi di pedalaman ke kawasan timur Sumatera. Antara kawasan yang mereka duduki ialah Jambi, Palembang dan Siak. Di situ mereka menjalankan aktiviti berniaga dan membuka penempatan baru untuk bertani.

Kemudian generasi yang kedua pula telah merantau ke Semenanjung Tanah Melayu terutama Tumasik iaitu Singapura pada masa kini. Dari Tumasik iaitu pada abad ke-12 mereka berhijrah pula ke utara untuk menjalankan perniagaan di Kuala Muar dan Kuala Penajoh. Seterusnya membuat penempatan baru yang berbentuk sementara kekal di bahagian pedalaman atau hulu Sungai Penajoh dan Sungai Siput yang terletak dalam kawasan Rembau dan Naning sekarang.

Proses penghijrahan yang kedua ialah penghijrahan langsung. Pada zaman Melayu Melaka, pola penghijrahan mereka telah berubah. Selain daripada penghijrahan berperingkat, masyarakat Sumatera telah datang terus dari Tanah Tinggi pulau itu ke Melaka. Akibat dari tidak putusnya aktiviti penghijrahan ini maka penempatan tersebut yang dahulunya bersifat sementara kekal telah bertukar menjadi sebuah penempatan kekal.

Seterusnya mereka berhijrah pula ke kawasan lebih pedalaman seperti Johol, Ulu Muar, Seri Menanti dan Gunung Pasir. Di samping itu, sebahagian dari penghijrah tersebut tidak lagi mengikut jalan tradisi tetapi memudiki Sungai Muar ke kawasan hulunya atau melalui Jalan Penarikan untuk membuka Jelebu, Ulu Muar dan tidak ketinggalan juga Jempol.

Penumpuan penghijrah tersebut pada zaman awal ini adalah lebih tertumpu ke kawasan atau daerah-daerah Rembau, Naning, Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu. Menjadi satu tradisi kepada masyarakat Minangkabau di Sumatera bahawa semua orang lelaki digalakkan untuk keluar merantau. Begitulah halnya yang berlaku kerana semua penghijrah adalah terdiri daripada kaum lelaki. Dengan itu, berlakulah proses perkahwinan atau persemendaan antara mereka dengan gadis-gadis tempatan. Keturunan dari hasil persemendaan ini yang menjadi penduduk Melayu Negeri Sembilan, khususnya di Daerah Jempol kini.

Negeri Sembilan pernah di namai dengan *Peninsula Minangkabau* ataupun Semenanjung Minangkabau. Hal ini terbukti apabila terdapatnya nama ini dalam peta pada tahun 1826 hingga 1909. Rujuk peta 3. Proses perpindahan ini turut di ketuai oleh Raja Kecil di Siak hingga menyebabkan berlakunya migrasi yang berskala besar.

Masyarakat Minangkabau berhijrah secara besar-besaran ialah pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, iaitu semasa berlakunya peperangan Padri di Indonesia. Kemudian diikuti pula oleh tindakan kerajaan Belanda mengenakan cukai kepala serta memaksa rakyat bekerja di rumah-rumah pegawai Belanda. Pada masa itu, ramailah masyarakat Minangkabau meninggalkan negeri mereka secara senyap-senyap untuk mencari tempat kediaman yang sesuai di Semenanjung Malaysia khasnya di Negeri Sembilan.

Semenjak kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan, bilangan mereka sentiasa bertambah ramai. Pada pertengahan abad ke-18, semasa Negeri Sembilan di bawah pentadbiran negeri Johor telah mengalami kemerosotan akibat kekacauan daripada pihak Belanda dan Bugis. Ini telah menyebabkan masyarakat Minangkabau memujuk Sultan Johor supaya membenarkan mereka mendirikan sebuah kerajaan yang diperintah oleh anak raja yang dijemput dari Minangkabau sendiri.

Ini kerana mereka tidak mempunyai kesultanan ataupun suatu bentuk kerajaan pusat sehingga tahun 1780. Pada zaman Kesultanan Melaka iaitu pada tahun 1400 hingga 1511 telah adanya segolongan kecil kelas pemerintah yang bergantung kepada kerajaan Melaka. Namun pemerintahan ini hanya mempunyai jawatan sebagai penghulu daerah tempatan sahaja. Dengan itu, sepanjang tempoh 250 tahun iaitu di antara kejatuhan kesultanan Melaka dengan penubuhan satu dinasti raja di Negeri Sembilan, ramai orang yang berpindah dan kebanyakannya berasal dari Minangkabau.¹⁰

¹⁰ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 55.

Dengan itu, pada tahun 1773 maka terbentuklah sebuah kerajaan di Negeri Sembilan. Sehingga kini Negeri Sembilan telah diperintah oleh sebelas orang anak raja yang berketurunan daripada Minangkabau. Mereka menjemput anak raja dari Minangkabau untuk menjadi ketua adalah kerana berpegang kepada pepatah adat iaitu *dimana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*.

Semenjak dari itu, Negeri Sembilan mempunyai jumlah terbesar orang-orang Melayu yang berasal dari Sumatera terutamanya Minangkabau. Manakala yang selebihnya datang dari negeri Jawa, Celebes dan negeri-negeri dari Malaysia sendiri.


1.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penulis dapati sejarah hubungan antara Negeri Sembilan khususnya Daerah Jempol dengan Minangkabau di Sumatera telah bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kedatangan masyarakat Minangkabau ke Tanah Melayu adalah bertumpu di kawasan Naning dan Rembau. Walau bagaimanapun, Jempol juga turut menjadi tumpuan mereka iaitu di Penarikan. Nama tempat Penarikan ini ada tercatat dalam Sejarah Melayu yang mengaitkan dengan Kerajaan Melaka.


Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat Minangkabau datang berhijrah ke Negeri Sembilan. Faktor-faktor tersebut, menjadi punca kepada rapatnya hubungan di antara Negeri Sembilan dengan Minangkabau. Antara faktor utama masyarakat Minangkabau berhijrah ke Negeri Sembilan ialah Tradisi Merantau. Tradisi Merantau ini, merupakan tradisi yang sangat penting dan terkenal dikalangan masyarakat Minangkabau.

LAMPIRAN


Panorama Alam Minangkabau



Masjid di Padang Panjang, Sumatera Barat.




Pemandangan Ngarai Sianok, di Bukit Tinggi, Sumatera Barat.



Jam Gadang, Bukittinggi, Sumatera Barat.



Istana Hinggap pada abad ke-17, bercirikan rumah Minangkabau.



Peta Sumatera



NEGELI ZEMBLAN

Warta Kerajaan

DOI: 10.1002/for

COMMISSIONER OF SOCIAL SERVICES, ALBANY, N.Y.

1990-1991: 100% = 1000000

1. $\frac{1}{2}$ 2. $\frac{1}{2}$

29th November 1979

$\sigma = 0.05$ (16/163)

440 · 25

1. $\mathcal{N}(\mathcal{A}) \cap \mathcal{N}(\mathcal{B}) = \mathcal{N}(\mathcal{A} \cup \mathcal{B})$ for all $\mathcal{A}, \mathcal{B} \in \mathcal{P}(\mathcal{S})$.

1. *Phragmites australis* (Cav.) Trin. ex Steud.

[illegible][illegible]

En el caso de las personas con discapacidad, la ley establece que el Estado debe garantizar el acceso a la educación, el trabajo y la participación social, promoviendo la igualdad de oportunidades y la no discriminación.

• • •

1. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 1, 1-11.
2. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 2, 1-11.
3. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 3, 1-11.
4. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 4, 1-11.
5. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 5, 1-11.
6. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 6, 1-11.
7. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 7, 1-11.
8. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 8, 1-11.
9. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 9, 1-11.
10. *Journal of the American Statistical Association*, 1954, 49, 10, 1-11.

²⁷ *ibid.* at 107 (quoting 12 C.F.R. § 192.103(a)(1)).

MOHD. NOOR BIN OTMAN

Seneciochia hirsuta (Maxon) Wats.
Seneciochia hirsuta (Maxon) Wats.

SENARAI RUJUKAN

- A. Kadir Jasin. 2002. *Information Malaysia 2002*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- A. Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu.
- _____. 1990. *Payung Berkembang*. Kuala Lumpur. Pustaka Budiman.
- A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu, Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram Luak Tanah Mengandung*. Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Muhd Tainu, Dharmala NS. 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.
- A. Rahim b. Hj. Ismail. 1990. Sebelum Jempol Bernama Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Anwar Ibrahim. 1986. *Pakaian Adat Tradisional Daerah Sumatera Barat*. Padang. Department Pendidikan dan Kebudayaan Projek Inventerisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Barat.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 2001. *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History*

1800-1940. Singapore. Archipelago Press animprint of Editions Didier Miller Pte. Ltd.

Dato' Komo Hj. Duaji bin Bakar. *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.

Gullick J.M. 1920. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Ismail bin Abdul Hadi. 2004. *Peralatan Muzik Tradisional*. Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

L. Martin. 1987. *The Negri Sembilan Their Origin and Constiution*. JSBRAS VOL. XIV.

_____. 1887. *The Negri Sembilan*, JSBRAS. Vol xix.

Lokman Abdul Samad. 2003. *Pemartabat Tamadun Bangsa*. Dewan Budaya. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Darus Hj. Abdul Manaf. 2002. *Teratak Za' ba: Lambang Warisan Kesarjanaan*. Jendela Warisan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Mochtar Naim, Hasan Basri Durin, Emil Salim, Alfian Arbie Taufik Abdullah, Chairol Harun, Yoesuf Scuyb, Usman Pelly. 1984. *Minangkabau Minangrantau*. Jakarta. Penerbit Madju.

- Mohd Hisa Tahat. 1987. Sejarah Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Muhammad bin Hj. Mahyuddin. 1996. *Koleksi di Masjid-masjid Negeri Sembilan*. Penerbit Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- Nathan. J.E. dan Wnstedt. R.O. 1920. *Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi. Papers on Malay Subjects*. Culcutta Federated Malay States.
- Negeri Sembilan. 1979. Akta Tanah Negara. *Warta Kerajaan Negeri Sembilan*.
- Noone. H.D. 1939. *The Penarikan and Bernam Land Routes*. JMBRAS. VOL XIX.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu Malaysia Bhd.
- Norizan Hj. Ayang. 2001. Skrip Drama: Sepintas Llu Jalan Penarikan Lagenda Sejarah Melayu. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1989. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- _____. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Shah Alam. Fajar Bakti.
- Norhalim bin Hj. Ibrahim dan Jamaludin bin Samsudin. 1998. Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

- Norleila Ismail. 1993. *Sistem Politik dan Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Negeri Sembilan. Studi Kasus Pemerintahan Tunku Mohamad (1898-1933)*. Padang. Fakultas Sastra Universitas Andalas.
- Rahimi. 1998. Negeri Sembilan. Asal-Usul Nama-nama Kampung dalam Mukim Ulu Jempol di Daerah Kuala Pilah. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
1975. *Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan 1870-1974*, Kementerian Pelajaran Malaysia. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Sharifa Khan, Khoo Kay Kim. 1986. *The Making of Modern Negeri Sembilan 1874-1898*. Taman Seni Budaya Negeri Sembilan.
- Sheehan J.J dan Abdul Aziz b. Khamis. *Adat Kuala Pilah*. JMBRAS.vol xix.
- Syed Alwi b. Sheikh Al-Hadi. 1965. *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Anuar b. T. Dalam. 1997. *Asas-asas Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur. Al-Azim Sdn. Bhd.
- Wan Sharifah bt. Wan Ghani. 1991. *Luak Tanah Mangandung*. Budaya Negeri. Negeri Sembilan.
- Winsted R.O. 1961. *The Malay, A Cultural History*. London. Routledge & Kegan Paul Ltd.